

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION
BIN ISMAIL [KULIM-BANDAR BHARU]**

TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [KULIM-BANDAR BHARU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan strategi Kerajaan mengurangkan defisit semasa sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penularan pandemik COVID-19 dan pengenalan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi dijangka memberi kesan berbeza kepada kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan untuk jangka pendek dan jangka masa sederhana. Pada tahun ini, kutipan hasil Kerajaan Persekutuan telah disamak semula lebih rendah setelah mengambil kira peningkatan perbelanjaan bagi melaksanakan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi. Defisit fiskal pada tahun 2020 juga telah disamak semula dan dianggarkan meningkat daripada 3.2% kepada 6.0% berbanding KDNK.

2. Walau bagaimanapun, semua langkah yang telah diumumkan dalam pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi adalah berjangka masa pendek dan tidak akan terus membebankan kewangan Kerajaan Persekutuan dalam jangka masa sederhana dan panjang. Ini berikutan strategi Kerajaan bagi mengurangkan defisit fiskal dalam jangka masa sederhana secara berperingkat seterusnya memastikan kedudukan fiskal dan hutang negara kekal pada paras terkawal. Kerajaan juga menjangkakan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi yang

telah dilaksanakan akan menghasilkan pulangan positif kepada ekonomi negara.

3. Tahun 2021 merupakan tempoh peralihan krisis ke fasa pemulihan yang akan ditumpukan kepada pelaksanaan beberapa langkah pemulihan untuk merencanakan semula ekonomi, melindungi kesejahteraan rakyat dan menyokong aktiviti perniagaan. Sehubungan itu, defisit fiskal diunjur lebih rendah kepada 5.4% daripada KDNK pada 2021. Tumpuan juga akan diberikan kepada usaha untuk meningkatkan kutipan hasil dan kecekapan perbelanjaan bagi mengukuhkan lagi kedudukan kewangan Kerajaan tanpa menjejaskan momentum pemulihan ekonomi dan agenda pembangunan jangka masa panjang.

4. Pada masa ini, Kerajaan mengguna pakai Kerangka Fiskal Jangka Sederhana atau *Medium Term Fiscal Framework (MTFF)* sebagai panduan dalam menggubal strategi ke arah konsolidasi fiskal untuk jangka sederhana (3 hingga 5 tahun) yang selari dengan pelan pembangunan Rancangan Malaysia lima tahun. Selain itu, Kerajaan juga dalam proses merangka Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA) selain membangunkan Strategi Hasil Jangka Sederhana (MTRS) untuk memastikan pengurusan fiskal dan hutang adalah lebih baik dan telus.

Sekian, terima kasih.